

## Kedutaan Indonesia puas hati

IPOH - Kedutaan Besar Republik Indonesia (KBRI) di Kuala Lumpur berpuas hati terhadap keputusan Mahkamah Tinggi yang menjatuhkan hukuman terhadap Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Tronoh, Paul Yong Choo Kiong atas pertuduhan merogol pembantu rumah warga Indonesia.

Setiausaha Pertama Kedutaan Besar Republik Indonesia, Junjungan Sigalingging berkata, keputusan itu memberi keadilan sewajarnya dan membela nasib mangsa.

Menurutnya, keputusan itu juga membuktikan sistem perundangan negara ini yang adil.

"Kita bersyukur dan sangat menghargai hakim Mahkamah Tinggi yang menunjukkan kebijaksanaan dan keadilan dalam mengendalikan kes ini.

"Kami berpuas hati dengan keputusan Mahkamah Tinggi, keputusan itu menunjukkan sistem perundangan Malaysia mampu membawa keadilan," tegasnya ketika ditemui pemberita di luar mahkamah di sini pada Rabu.

Beliau berkata, perbicaraan kes melibatkan warga Indonesia itu dipantau dengan teliti oleh kerajaan dan rakyat Indonesia sejak tahun 2019 lagi.

Jelas beliau, harapan yang tinggi diberikan agar perbicaraan kes itu membawa pelaku ke muka pengadilan.

"Dari awal perbicaraan di Mahkamah Sesyen kemudian berpindah ke Mahkamah Tinggi, kerajaan Indonesia yang diwakili kedutaan di Kuala Lumpur memberi perhatian serius kepada kes ini kerana mangsa adalah seorang warga Indonesia," katanya.

Paul Yong, 52, disabitkan bersalah atas pertuduhan merogol pembantu rumahnya warga Indonesia berusia 23 tahun di sebuah bilik di tingkat atas rumahnya, pada 7 Julai 2019.

# Paul Yong dipenjara 13 tahun, dua sebatan

## ADUN Tronoh itu didapati bersalah merogol pembantu rumahnya

Oleh **NORMAWATI ADNAN**  
**IPOH**

**A**hli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Tronoh, Paul Yong Choo Kiong dihukum penjara 13 tahun dan dua sebatan oleh Mahkamah Tinggi di sini selepas didapati bersalah atas pertuduhan merogol pembantu rumahnya pada tahun 2019.

Hakim Mahkamah Tinggi Ipoh, Datuk Abdul Wahab Mohamed pada Rabu menjatuhkan hukuman itu ke atas Paul Yong selepas mendapati pihak pembelaan gagal menimbulkan keraguan munasabah di akhir kes pembelaan.

Bagaimanapun, mahkamah membenarkan permohonan penangguhan pelaksanaan hukuman itu sementara rayuan difailkan di Mahkamah Rayuan.

Mahkamah juga membenarkan Paul Yong diikat jamin RM30,000 dengan seorang penjamin.

Abdul Wahab ketika membacakan penghakimannya yang mengambil masa kira-kira 45 minit berkata, sehingga pihak pembelaan menutup kes dan mengemukakan hujahan, didapati tiada apa-apa keterangan yang boleh menimbulkan keraguan munasabah terhadap kes pendakwaan.

Sebaliknya, jelas beliau, pembelaan hanya bersifat penafian semata-mata



Paul Yong dibawa ke Mahkamah Tinggi Ipoh pada Rabu.

dan hanyalah bersifat pemikiran.

"Mahkamah mendapati pihak pendakwaan berjaya membuktikan semua elemen pertuduhan daripada keterangan saksi-saksi dan disokong juga oleh keterangan dokumen.

"Maka dengan itu, mahkamah mensabitkan OKT (orang kena tuduh) dengan kesalahan sebagaimana dipertuduhkan di bawah Seksyen 376 (1) Kanun Keseksaan," tegas Abdul Wahab.

Paul Yong, 52, dituduh merogol pembantu rumahnya warga Indonesia berusia 23 tahun di sebuah bilik di tingkat atas rumahnya di Meru Desa Park, Bandar Meru Raya antara jam 8.15 hingga 9.15 malam pada 7 Julai 2019.

Pertuduhan terhadap beliau dilakukan mengikut Seksyen 376 (1) Kanun Keseksaan yang memperuntukkan

hukuman penjara maksimum 20 tahun dan sebatan.

Sebelum itu, peguam Datuk Rajpal Singh yang mengetuai pasukan pembelaan memohon kepada mahkamah agar tertuduh diberikan hukuman minimum tanpa sebatan dengan mengambil kira khidmat baktinya yang banyak melakukan kerja-kerja kebajikan sepanjang sembilan tahun sebagai wakil rakyat.

Pengarah Pendakwaan Negeri Perak, Azlina Rasdi bagaimanapun meminta hukuman setimpal dikenakan mengambil kira status OKT sebagai seorang pemimpin yang sepatutnya menunjukkan teladan baik.

Kata Azlina, perbuatan dilakukan OKT telah menganiaya dan menjatuhkan maruah mangsa yang mencari rezeki halal di negara ini.